

22 MAR 2001

MAHATHIR Pengerusikan Mesyuarat Dengan Menteri Besar, Ketua Menteri

PUTRAJAYA, 22 Mac (Bernama) -- Perdana Menteri Datuk Seri Dr Mahathir Mohamad hari ini mempengerusikan mesyuarat dengan menteri besar dan ketua menteri di pejabatnya di sini.

Mesyuarat yang bermula pukul 3.40 petang itu dihadiri oleh semua menteri besar dan ketua menteri serta beberapa menteri kabinet kecuali menteri besar Kelantan dan Terengganu, yang dipimpin Pas.

Pejabat Perdana Menteri dijangka mengeluarkan kenyataan lewat hari ini mengenai perkara yang dibincangkan dan keputusan yang dibuat pada mesyuarat itu.

-- BERNAMA

SR SHS AHH NMO